



## KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008

### KARNIVAL KITAR SEMULA DAN COMBI SEKOLAH PUTRAJAYA 2019

**PUTRAJAYA, 21 November** – YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) menyempurnakan Anugerah Kitar Semula dan COMBI Sekolah Putrajaya 2019 bertempat di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Pada tahun ini buat julung kalinya PPj menganjurkan Karnival Kitar Semula dan COMBI Sekolah Putrajaya 2019 selama 2 hari iaitu pada 20 dan 21 November 2019 yang menggabungkan aktiviti kitar semula dan COMBI Sekolah dalam satu acara seperti pameran, taklimat, pertandingan lakonan dan penyampaian anugerah.

Anugerah Kitar Semula Putrajaya 2019 dipertandingkan dalam 4 kategori iaitu kategori sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan, apartmen, jabatan/agensi kerajaan serta anugerah khas. Penilaian dibuat berdasarkan catatan kutipan bahan kitar semula terbanyak bermula dari bulan Januari hingga September 2019. Bakal pemenang akan menerima hadiah berbentuk wang tunai berjumlah RM1,500 bagi tempat pertama, RM1,000 untuk tempat kedua dan RM800 bagi tempat ketiga. PPj turut menyampaikan anugerah khas berupa wang tunai bernilai RM1,000 kepada individu-individu yang aktif dan komited melaksanakan program aktiviti kitar semula di Putrajaya.

Anugerah COMBI Sekolah Putrajaya 2019 dipertandingkan dalam 4 kategori iaitu kategori sekolah kebangsaan dan menengah kebangsaan, lakonan terbaik sekolah kebangsaan, lakonan terbaik sekolah menengah kebangsaan, serta anugerah khas inovasi terbaik dan sudut informasi terbaik. Setiap penyertaan dinilai berdasarkan keberkesanan aktiviti kawalan denggi yang dijalankan pada setiap bulan, penyediaan sudut informasi denggi bagi keseluruhan pelajar sekolah, penghasilan inovasi baharu dikalangan pelajar dalam mencegah pembiakan nyamuk dan pertandingan lakonan bertemakan kawalan Aedes. Tempoh penilaian program adalah bermula daripada bulan Februari 2019 hingga September 2019. Pemenang menerima hadiah berbentuk wang tunai berjumlah RM1,500 bagi tempat pertama, RM1,000 untuk tempat kedua, RM800 bagi tempat ketiga dan RM500 bagi anugerah khas.

Untuk keterangan lanjut mengenai penganjuran Karnival Kitar Semula dan COMBI Sekolah Putrajaya, sila hubungi pegawai media En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019 – 3354346.

**Disediakan oleh**  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Perbadanan Putrajaya

21 November 2019